



**KAMARUDIN** menghadiri Majlis Perjumpaan Naib Canselor UMS dengan kakitangan UMSKAL di Bilik Seminar Podium D, Bangunan Menara.

VB 3.7.2019 A2

# Kamarudin beramah mesra dengan kakitangan UMSKAL

**LABUAN:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin mengadakan lawatan kerja ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Pada kesempatan itu, beliau mengadakan perjumpaan dengan kakitangan UMSKAL termasuk kakitangan akademik di Bangunan Menara, bermula jam 2.30 petang.

Pada sebelah pagi, beliau mempengerusikan Mesyuarat Senat Bil. 6/2019 (kali ke-170) di Bilik Seminar Kiamsam, Bangunan Menara UMSKAL.

Selepas itu, Kamarudin

menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMS dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia.

Kamarudin yang diiringi Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik meraikan kakitangan UMSKAL pada Majlis Jalinan Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai UMSKAL 2019 di ruang legar Bangunan Menara.

Pada majlis itu, tetamu dihidangkan dengan pelbagai juadah termasuk lontong, soto, sate, ketupat dan nasi briyani serta kuih muih. Turut diadakan penyampaian

sumbangan kepada kakitangan.

Sebelum meninggalkan UMSKAL, beliau beramah mesra dengan atlet kontinjen Labuan International Campus (LIC) yang akan menyertai Kejohanan Sukan Staf UMS (Sukums) 2019 pada 11-14 Julai ini di Kota Kinabalu.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Prof Dr Rasid Mail (Akademik dan Antarabangsa), Prof Madya Dr Ramzah Dambul (Penyelidikan dan Inovasi) dan Prof Dr Ismail Ali (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) serta Ketua Pustakawan UMS Zawawi Tiyunin.